

09 APR 1997

Mahathir-Islamabad

DR MAHATHIR DI ISLAMABAD UNTUK LAWATAN SEHARI

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

ISLAMABAD, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini untuk lawatan kerja sehari.

Beliau disertai delegasi 50 anggota termasuk tokoh korporat.

Yang turut serta ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar.

Ketibaan Dr Mahathir di pangkalan tentera udara Chak Lala disambut oleh Perdana Menteri Pakistan Nawal Sharif. Mereka kemudian bertolak ke kediaman Perdana Menteri Pakistan itu untuk upacara sambutan rasmi.

Dr Mahathir kemudian dibawa ke Aiwan-E-Sadr untuk menemui Presiden Pakistan Farooq Leghari.

Perdana Menteri akan mengetuai delegasi Malaysia pada mesyuarat dua hala dan ini diikuti oleh satu jamuan rasmi.

Dr Mahathir akan pulang ke tanah air selepas jamuan itu.

Sebelum ke sini, beliau telah melawat Kuwait dan Bahrain. -- BERNAMA

ARA RI MAI